



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

SALURAN-SALURAN MEDIA SOSIAL RASMI MOF UNTUK BELANJAWAN 2019

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) ingin mengumumkan saluran-saluran rasmi di media sosial yang akan menyampaikan maklumat yang sahih dan tepat tentang Belanjawan 2019, yang akan dibentangkan oleh Menteri Kewangan, YB Tuan Lim Guan Eng, di Parlimen pada Jumaat, 2 November 2018.

Sebagai usaha menyebarkan-luas maklumat berkaitan Belanjawan ini, MOF menyediakan saluran-saluran atas talian dan media sosial, termasuk laman Facebook, Instagram, Twitter, dan Whatsapp, yang boleh diakses secara percuma oleh rakyat Malaysia. Saluran-saluran ini akan menyampaikan maklumat Belanjawan 2019 terkini, dalam pelbagai bentuk yang mudah difahami termasuk infografik dan video.

Selain mendapat maklumat tepat dengan cara yang mudah dan cepat, Rakyat Malaysia juga dapat menyuarkan soalan-soalan mereka secara langsung kepada MOF melalui saluran-saluran rasmi ini.

Saluran-saluran rasmi ini boleh dicapai dan dilanggan melalui pautan-pautan berikut:

Laman Web : <http://www.treasury.gov.my>
Facebook : <https://www.facebook.com/KementerianKewanganMalaysia/>
Instagram : https://www.instagram.com/mof_malaysia/
Twitter : <https://twitter.com/MOFmalaysia>
Whatsapp : Hantarkan pesanan "Hello MOF" kepada 011-1000 3001

Tanda pagar #Belanjawan2019 boleh digunakan di laman-laman media sosial untuk mengikuti perkembangan terkini dari MOF.

SAYANGI MALAYSIAKU!

**KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
PUTRAJAYA
30 OKTOBER 2018**